


CERITA RAKYAT SABAH

OLUMHIS



DAYANG NAZIRAH TAHIR



DBP

OLUMNIS

CERITA RAKYAT SABAH

OLUMNIS

DAYANG NAZIRAH TAHIR

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2018

KK 398-320-0502011-49-1338-20101

Cetakan Pertama 2018

© Dayang Nazirah Pg Tahir 2018

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-
dalam-Penerbitan

Dg. Nazirah Pg. Tahir

OLUMNIS / DG. NAZIRAH PG. TAHIR.

ISBN 978-983-49-1338-0

1. Folk literature, Malay--Malaysia--Sabah.
2. Folklore--Malaysia--Sabah.
3. Government publications--Malaysia.

I. Judul.

398.20959521

Dicetak oleh
Percetakan Kenanga Sdn. Bhd.
No. 42, Jalan Inang 4
Taman Paya Rumput Utama
76450 Bandar Melaka
Melaka

1 OLUMNIS

Pada zaman dahulu, tinggal seorang gadis bernama Olumnis, di sebuah kampung kecil bernama Kampung Singgah Mata yang berdekatan dengan kawasan perbukitan. Kampung ini terletak dalam daerah Kinabatangan, di pedalaman Sabah. Olumnis baru berusia 12 tahun. Dia hidup bahagia bersama-sama ibunya Tusak dan bapanya Waig, serta adiknya, Kinambura yang berusia sembilan tahun.

Olumnis sangat menyayangi ibu dan bapa, serta adiknya Kinambura. Hubungan kedua-dua beradik ini sangat rapat. Olumnis bukan sahaja kakak kepada Kinambura, malah dia juga umpama sahabat kepada adiknya itu. Kematangan Olumnis berfikir menyebabkan Kinambura menghormati dan mentaati segala perintah kakaknya tanpa bantahan. Tidak hairanlah Olumnis sangat sayang dan menjaga adiknya seperti menatang minyak yang penuh.

Olumnis sedar, masyarakat kampung memuji dirinya dan Kinambura yang mewarisi kecantikan ibunya, Tusak.

Olumnis juga tahu para pemuda di kampungnya berebut-rebut ingin menambat hati mereka dua beradik, terutamanya Olumnis yang kononnya kelihatan lebih matang dan dewasa.

Keadaan ini sesungguhnya membuatkan Olumnis tidak selesa. Dia berasa pergerakannya yang sentiasa menjadi perhatian ramai menyekat kebebasan dirinya. Olumnis tidak dapat melupakan bagaimana dia diganggu oleh seorang pemuda bernama Darun ketika dalam perjalanannya ke sungai.

“Olumnis, kau sombonglah. Kenapakah kau tidak sudi berbual-bual dengan aku?” kata Darun ketika mengejar Olumnis dari belakang.

“Sudah! Jangan ganggu aku! Pergi,” balas Olumnis tegas.

Darun tidak putus asa. Dia memintas Olumnis sehingga menyebabkan langkah Olumnis terhenti. “Bolehkah kita berkawan, Olumnis yang cantik? Aku sangat tertawan dengan senyuman dan lesung pipitmu yang manis,” Darun mula memuji.

Kata-kata Darun itu cukup menyakitkan hati Olumnis. Pujian itu tidak sedikit pun menggembirakannya. Olumnis dengan sepenuh tenaga menolak Darun sehingga pemuda itu terduduk di atas lumpur.

“Padan muka kau!” kata Olumnis sambil berlari meninggalkan Darun yang masih terpinga-pinga.

Perasaan Olumnis semakin hari semakin resah. Hampir setiap minggu ada sahaja rombongan yang datang berjumpa dengan ibu bapanya dengan tujuan untuk

meminangnya. Rumah papan mereka yang usang itu kadang-kadang terasa akan runtuh, kerana tidak mampu menampung rombongan meminang yang kadangkala terlalu banyak bilangannya. Namun tiada satu pun yang diterima Olumnis, termasuk rombongan keluarga Darun. Ibu dan bapanya sangat memahami Olumnis, mereka tidak memaksanya untuk menerima pinangan-pinangan tersebut.

“Bapa tahu kau sudah cukup matang dalam membuat keputusan Olumnis,” ujar Waig, bapa Olumnis. Olumnis berasa lega mendengar kata-kata bapanya itu.

‘Aku tidak mahu kahwin dan tidak akan kahwin.’ bisik hati Olumnis.

“Begini Waig, Tusak. Kami datang ni sebenarnya berhajat,” ujar wakil rombongan. “Kami ingin meminang anak kamu, Olumnis untuk anak saudara kami,” sambung wakil rombongan yang baru sampai awal pagi itu kepada ibu bapa Olumnis.

Olumnis tidak mengenali wakil rombongan kali ini. Tapi daripada perbualan wakil tersebut dengan ibu bapanya, nampak mereka seperti saling mengenali dan sangat mesra. Walaupun ketika itu, Olumnis berada di dapur bersama-sama Kinambura untuk menyediakan air minuman, tetapi perbualan tetamu dan kedua-dua ibu bapanya dapat didengar dengan jelas oleh Olumnis. ‘Janganlah ibu dan bapa terima,’ bisik hati kecil Olumnis.

“Olumnis, ke sini sekejap,” terdengar suara bapanya memanggil.

Hati Olumnis berasa semakin berdebar-debar. Perlahan-

lahan Olumnis menuju ke ruang tamu rumahnya. Jantungnya berdegup cepat.

“Ya, ada apa bapa?” tanya Olumnis pada bapanya.

“Tusak, yang inilah Olumnis?” tiba-tiba salah seorang wanita yang datang bersama-sama rombongan tadi bertanya.

Olumnis melihat ibunya mengangguk perlahan, sambil mulutnya mengukir senyuman, tetamu itu juga menguntum senyum.

“Cantik sungguh anakmu ini Tusak, seperti kau waktu remaja dulu,” sambung wanita tersebut.

“Ya, inilah Olumnis,” getus ibunya, menguntum senyum.

“Memang kami sudah membuat pilihan yang tepat,” balas wanita itu sambil menguntum senyum gembira.

Apabila mendengar akan kata-kata wanita itu, Olumnis memandang ke arah ibunya dengan dahi yang berkerut, darahnya tiba-tiba tersirap. Ibunya membalas pandangan Olumnis dengan senyuman.

“Olumnis, sudah siap kopi yang kamu buat tadi?” tanya ibunya perlahan.

“Sudah ibu, nanti Kinambura tolong hidangkan,” jawab Olumnis dengan lembut.

Dalam hati, Olumnis tahu ibu hanya berpura-pura bertanya. Olumnis meminta izin daripada ibu bapanya dan tetamu yang ada.

“Maaf ... Olumnis ke dapur dahulu ya,” ujarnya lagi.

“Bersopan santun anak kau, Tusak. Pandai kau mendidik mereka,” ujar wanita itu memuji.

Semakin Olumnis mendengar pujian, semakin sakit

hatinya. Dia terus meluru ke dapur dengan pantas. Kinambura yang sedang menyediakan minuman terkejut melihat kakaknya yang meluru pantas ke dapur.

“Ada apa kak?” Kinambura menyoal kakaknya.

“Tiada apa-apa,” balas Olumnis dengan muka masam mencuka, menahan kemarahan. “Kinambura, cepat hidangkan air kopi itu. Lebih cepat kamu hidangkan, lebih cepat mereka pulang.” Olumnis menyambung, geram.

Kinambura perlahan-lahan pergi ke ruang tamu untuk menghidangkan kopi.

Hati Olumnis semakin risau dengan keadaan ini. ‘Kenapakah ibu dan bapa baik sangat dengan rombongan kali ini?’ bisik hati kecil Olumnis. ‘Sejak bilakah mereka berkenalan?’ bertubi-tubi soalan di benak Olumnis.

Setelah rombongan itu pulang, Olumnis mengajak Kinambura untuk pergi ke sungai.

“Ayuh Kinambura, kita pergi ke sungai. Mesti banyak ikan menunggu kita,” kata Olumnis mengajak adiknya.

“Olumnis ... sini sekejap,” terdengar suara bapanya dari ruang tamu.

Tanpa sepetah jawapan, Olumnis terus berlari-lari kecil ke arah bapanya. “Ada apa bapaku sayang,” kata Olumnis manja.

“Anakku, kau tahu apa tujuan tetamu-tetamu tadi datang bukan?” tanya bapanya dengan lembut.

Olumnis mengangguk perlahan.

“Jadi bapa harap kau dapat membuat keputusan yang tepat,” ujar bapanya. “Mak cik yang datang tadi sebenarnya

OLUMNIS

"Dia ini mengaku Olumnis, tunangku, ibu. Bukankah ibu pernah katakan dulu, tunangku seorang yang berwajah cantik dan putih melepak? Tapi dia ini hitam dan hodoh," kata Manuk Bura dengan angkuh dan manja.

Terpisah daripada ibu bapa akibat banjir menyebabkan Olumnis dan adiknya Kinambura terpaksa mencari tunang yang tidak pernah ditemuinya. Mereka berdua menempuh pelbagai rintangan di sepanjang perjalanan.

Apabila tiba di rumah tunangnya, Olumnis dihina dan dianggap penipu. Bagaimanakah nasib Olumnis dan adiknya?

RM10.00

ISBN 978-983-49-1338-0



9 789834 913380